

21/09/1997

Penjenayah alam sekitar?

ALKISAHNYA, macam-macam hukuman nak dikenakan kepada mereka yang bakar lalang, sampah dan tayar buruk. Memanglah mereka ni turut `membantu' menambah jerebu. Tetapi kalau kita fikir dalam-dalam, ada pihak yang lebih dahsyat menyebabkan pencemaran alam sekitar. Siapa mereka?

Bagi teman mereka adalah yang membina hutan batu yang ganas, yang menggondol dan menarah bukit-bakau dan memusnahkan hutan atas nama pembangunan. Kerja menarah dan menggondolkan hutan dan bukit-bukau sudah lama dijalankan.

Merekalah sebenarnya yang merosakkan sistem ekologi dan kesejahteraan alam. Malah Perdana Menteri pernah menampelak golongan ini (di Selangor) tahun lalu kerana kegiatan mereka menggondolkan hutan secara berleluasa.

Pada hemat teman, kebakaran di Indonesia tu memanglah salah satu punca jerebu. Tetapi kita sendiri pun menjadi antara penyumbang utama. Sudah jelas ini bukan kali pertama kita menghadapi jerebu. Jerebu yang serius berlaku sejak akhir 1980-an dan paling buruk pada 1991 dan 1994. Tetapi kenapa tidak ada pihak yang menginsafi musibah itu? Kenapa tidak ada pelan jangka panjang dan peraturan tegas menangani jerebu? Maksud teman, kenapa mereka yang merosakkan alam sekitar, yang tarah sana, tarah sini, gondol bukit-bukau tidak dihalang?

Bagi teman, pokok kayu adalah elemen utama pengukuhan sistem ekologi dan kesejahteraan alam sekitar. Nak bina hutan batu binalah. Tetapi ia mesti diseimbangkan. Adalah ironis apabila Dr Mahathir dalam Persidangan Bio-Diversiti di Rio de Janiero pada 1992, mengajak hampir 112 negara yang menghadiri persidangan itu memelihara alam sekitar dengan membaik pulih hutan negara masing-masing, tapi kita di sini gagal menyeimbangkan hutan batu dan hutan pepohonan yang menyamakan semata-mata kerana keghairahan mencari untung.

(END)